

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/08/27 - 39

PENAFIAN LHDNM BERHUBUNG PENYEBARAN MAKLUMAT MENGENAI PEMBENTANGAN KERTAS PUTIH LHDNM DI PARLIMEN

Baru-baru ini Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah mengesan satu penyebaran maklumat palsu yang kini tular di media sosial mengenai pembentangan kertas putih oleh LHDNM di Parlimen bertajuk "Siapa kata bangsa Cina & India banyak bayar cukai dekat kerajaan?". LHDNM ingin menegaskan bahawa tiada pembentangan kertas putih sedemikian yang melibatkan laporan berhubung dengan jumlah sumbangan cukai berdasarkan komposisi kaum dan bangsa di Malaysia di Parlimen oleh LHDNM seperti dinyatakan dalam saluran media-media sosial tersebut.

Berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) LHDNM, maklumat pembayar cukai dan data kutipan cukai tidak disimpan berdasarkan komposisi kaum dan bangsa. Sehubungan itu, LHDNM ingin menegaskan bahawa data yang ditularkan melalui media sosial tersebut adalah tidak benar dan bukan dari sumber LHDNM.

Data dan maklumat mengenai pembayar cukai yang direkodkan dalam sistem LHDNM dikategorikan mengikut komponen pembayar cukai yang melibatkan cukai individu dan syarikat seperti berikut:

Jadual 1 : Statistik Kutipan Cukai Langsung Mengikut Komponen 2016-2018

Komponen Cukai Langsung	2018	2017	2016
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Individu	36,065	31,901.57	29,603.47
Syarikat	70,036	68,801.94	65,974.74
Duti Setem	5,934	5,670.32	5,674.04
Cukai Pegangan	3,117	3,266.38	2,549.36
CKHT	1,467	1,697.98	1,491.67
Koperasi	171	74.48	89.71
Cukai Lain	163	137.92	136.27
Petroleum	20,082	11,760.92	8,425.76
Kutipan Kasar	137,035	123,311.51	113,945.02

Data dan maklumat mengenai pembayar cukai mengikut komponen ini boleh disemak di portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my > Laporan Tahunan LHDNM dan juga Siaran Media Kementerian Kewangan Malaysia di pautan <https://www.treasury.gov.my/index.php/galeri-aktiviti/siaran-media/item/4835-siaran-media-pencapaian-kutipan-cukai-langsung-bagi-tahun-2018.html>

Justeru itu, LHDNM sekali lagi ingin menasihatkan orang ramai agar tidak menyebarkan sebarang maklumat yang tidak tepat dan sahih bagi mengelakkan kekeliruan dan salah faham demi kebaikan bersama.

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila layari portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my atau hubungi *Hasil Care Line* (HCL) di talian 1800-88-5436.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 / 21695 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 27 Ogos 2019

LHDN
MALAYSIA



/LHDNM



@LHDNOfficial



LHDNM



lhdnTube